

26/03/1998

Lanskap rumah pameran keindahan seni

Amir Hamzah Nordin

LANSKAP sebuah rumah di kawasan perumahan Lembaga Kemajuan Negeri Pahang (LKNP) peringkat satu, dekat bandar Jerantut, akan menggamit sesiapa sahaja yang melintasinya.

Ia memperlihatkan keindahan seni yang jarang dibina di kawasan luar bandar.

Penghuninya, bekas guru agama dan kini berkhidmat sebagai jurunikah bertaualiah, Mokhar Yusof, 71, memanfaatkan setiap sudut dan ruang dengan kesenian Islam, melalui cetusan ilham anaknya, Ahmad Fauzi, 38.

Rumah itu turut dicat dengan warna yang lembut dan bermotifkan geometri dan tulisan khat.

Menurut Ahmad Fauzi, ilhamnya untuk merekabentuk lanskap rumah itu dengan unsur Islam ketika mahu melindungi beberapa kawasan semak samun yang sakit mata memandangnya.

Katanya, beliau menerapkan daya kreativitinya untuk menghasilkan lanskap yang menarik.

Pada mulanya, tebing tanah di bahagian kanan rumah yang kelihatan runtuh dibuat kawasan teres bersimen.

"Selepas itu, saya mula merancang dan membina satu demi satu arca menggunakan batu bata dan simen serta sedikit besi dan bahan lain. Kini ada lapan arca siap dibina dan masih ada tiga lagi yang akan dihasilkan.

"Semua lakaran dan perancangan sudah siap hanya menunggu masa sesuai untuk dimulakan," katanya kepada Berita Harian.

Fauzi yang membina semua arca itu berseorangan, berkata setiap arca mengambil masa antara sebulan hingga empat bulan untuk siap bergantung kepada tahap kesukaran dan ketelitian yang diperlukan.

Katanya, ayah dan ibunya hanya memberi galakan dan sokongan dari segi kewangan untuk membeli bahan binaan.

Mereka tidak menggonggonya kerana beliau sahaja yang tahu apa yang hendak dibina dan memahami maksud yang tersirat.

Halaman rumah itu turut dipanggil dataran ilmu dengan hasil seni dengan tertentu dan pengertian tersendiri seperti Islam, Iman, Ikhlas, Asma Husna, Ad-Din, Paradigma Tauhid dan Warisan Islam.

Ahmad Fauzi juga akan membina tiga seni binaan bertajuk metodologi, riadah dan medium yang bercorak futuristik dan berbentuk satelit selaras kepesatan negara mencapai Wawasan 2020.

Paling menarik, beliau membentuk seni binanya berteraskan pemikiran Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dengan bertemakan Melayu Baru.

Beliau menonjolkan sikap dan sifat Perdana Menteri mempunyai pemikiran yang selari dengan aliran zaman, sanggup menghadapi cabaran, bersaing tanpa bantuan, terpelajar dan berilmu serta canggih, jujur, berdisiplin, amanah dan cekap.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim juga tidak terlepas daripada perhatian Ahmad Fauzi dalam mentafsirkan seni binanya melalui masyarakat madani.

Nyata sekali hasil seni beliau mempunyai nilai yang tinggi dan perlu diketengahkan oleh pihak tertentu kerana mempunyai pengertian luhur dan murni serta tidak memisahkan antara dunia akhirat.

(END)